

02 MAY 2001

Syed Hamid-Asean

HUBUNGAN ASEAN TIDAK BERSANDAR KEPADA LAPORAN MEDIA, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Menteri-menteri Luar Asean bersetuju supaya hubungan antara 10 negara anggota kumpulan itu tidak dipengaruhi oleh laporan-laporan media yang kadang kala boleh menimbulkan salah faham dan ketegangan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sebaliknya, mereka akan berhubung secara terus antara satu sama lain bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai apa-apa perkara dan masalah yang timbul.

"Kita bersetuju bahawa kita tidak akan bersandar kepada laporan media semata-mata untuk membuat sebarang ketentuan...hubungan kita tidak harus berasaskan kepada reaksi tetapi keakraban hubungan yang terjalin antara kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang berita selepas menerima kunjungan Menteri Perlombongan dan Tenaga Equatorial Guinea, Cristobal Menana Ela, di Wisma Putra di sini, hari ini.

Syed Hamid ditanya tentang hasil mesyuarat tidak rasmi menteri-menteri luar Asean di Myanmar berakhir semalam yang diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara negara anggota.

Beliau berkata mereka juga berpendapat perjumpaan seumpama itu harus menjadi satu kelaziman tanpa sebarang agenda khusus bagi membolehkan pelbagai topik dibincangkan ke arah memantapkan lagi pengintegrasian Asean sama ada dalam bidang politik, ekonomi atau sosial.

Sambil menyifatkan mesyuarat itu sebagai produktif, Syed Hamid berkata mereka berpeluang mengetahui situasi terkini di negara-negara Asean di samping memahami pendirian masing-masing berhubung isu-isu politik serta keamanan dan kestabilan serantau.

Katanya para menteri luar Asean juga melahirkan harapan agar Myanmar dapat mencari penyelesaian terhadap masalah politik negara itu mengikut acuannya sendiri tanpa gangguan mana-mana pihak.

"Kita juga bincangkan betapa kita harus terus berpegang kepada konsep persetujuan melalui proses konsensus dan tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara-negara Asean," katanya.

Asean dianggotai Brunei, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura, Malaysia, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam.

Syed Hamid berkata mesyuarat itu melahirkan pandangan bahawa satu usaha bersepadu perlu dibuat bagi mengatasi masalah narkotik yang dianggap masalah serantau yang serius selaras dengan hasrat Asean menjadi kawasan bebas daripada gejala itu menjelang 2015.

Menurutnya Myanmar menjelaskan usahanya untuk menjadi sebuah negara bebas daripada tanaman koka yang diproses menjadi dadah melalui penggalakan tanaman gantian.

Katanya mereka turut membincangkan persiapan sidang kemuncak Asean di Brunei dan mesyuarat menteri-menteri luar di Hanoi.

Syed Hamid berkata beliau juga mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Indonesia Alwi Shihab yang menerangkan tentang keadaan terkini di Indonesia.

"Walaupun Indonesia menghadapi keadaan yang tegang, mereka terus menganggap hubungan antara kedua-dua negara adalah penting dan meminta kefahaman Malaysia berhubung masalah yang mereka hadapi," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan menteri dari Equatorial Guinea hari ini, Syed Hamid berkata Ela menyampaikan surat jemputan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melawat negara benua Amerika Selatan

itu.

-- BERNAMA
MAM AHH NAK